

PERATURAN PERMAINAN TENPIN BOLING

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan yang ditetapkan oleh Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC).

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara Tenpin Boling mempertandingkan 10 acara iaitu:-

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.1.4 Bergu Wanita
- 2.1.5 Berpasukan Berempat Lelaki
- 2.1.6 Berpasukan Berempat Lelaki
- 2.1.7 All Event Lelaki
- 2.1.8 All Event Wanita
- 2.1.9 Master Lelaki
- 2.1.10 Master Wanita

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki yang terdiri daripada 4 orang pemain dan satu (1) pasukan wanita yang juga terdiri daripada 4 orang pemain

2.2.2 Borang pendaftaran perlawanan bagi setiap acara hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 1 hari sebelum perlawanan seterusnya dimulakan.

2.2.3 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI		JUMLAH
	LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA	
Individu & Berpasukan	4	4	2	2	12

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Acara Perseorangan (Single)

2.3.1.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar EMPAT (4) orang peserta lelaki dan (4) orang peserta perempuan bagi acara ini.

2.3.1.2 Peserta – peserta diwajibkan bermain ENAM (6) games dengan menyeberangi ENAM (6) lorong berasingan dan peserta dengan jumlah jatuhan pin keseluruhan tertinggi adalah pemenang.

2.3.1.3 Jika terdapat peserta yang mempunyai jumlah jatuhan pin yang sama, pasukan yang mencatatkan jumlah jatuhan pin yang tertinggi di permainan yang terakhir akan dikira sebagai pemenang dan begitulah seterusnya.

2.3.2 Acara Bergu (Double)

2.3.2.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar dua (2) pasangan bergu lelaki dan (2) pasangan bergu perempuan bagi acara ini.

2.3.2.2 Peserta – peserta diwajibkan bermain enam (6) games dengan menyeberangi enam (6) lorong berasingan dan peserta dengan jumlah jatuhan pin keseluruhan tertinggi adalah pemenang.

2.3.2.3 Jika terdapat pasukan yang mempunyai jumlah jatuhan pin yang sama, pasukan yang mencatatkan jumlah jatuhan pin yang tertinggi di permainan yang terakhir akan dikira sebagai pemenang dan begitulah seterusnya.

2.3.3 Acara Berpasukan (Team Of Four)

- 2.3.3.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar SATU (1) pasukan berempat lelaki dan satu (1) pasukan berempat perempuan bagi acara ini.
- 2.3.3.2 Peserta – peserta diwajibkan bermain ENAM (6) games dengan menyeberangi ENAM (6) lorong berasingan manakala dan pasukan dengan jumlah jatuhan pin keseluruhan tertinggi adalah pemenang.
- 2.3.3.3 Jika terdapat pasukan yang mempunyai jumlah jatuhan pin yang sama, pasukan yang mencatatkan jumlah jatuhan pin yang tertinggi di permainan yang terakhir akan dikira sebagai pemenang dan begitulah seterusnya.

2.3.4 Acara All Event

- 2.3.4.1 Peserta – peserta yang bermain di dalam acara perseorangan, bergu dan berpasukan adalah layak bertanding dalam acara ini dan jumlah jatuhan pin keseluruhan tertinggi bagi ketiga-tiga acara tersebut akan dicampur untuk dikira sebagai pemenang.
- 2.3.4.2 Jika terdapat pemain yang mempunyai jumlah jatuhan pin yang sama, pemain yang mencatatkan jumlah jatuhan pin yang tertinggi di blok permainan yang terakhir (berpasukan) akan dikira sebagai pemenang dan begitulah seterusnya.

2.3.5 Acara Masters

- 2.3.5.1 Enam Belas (16) peserta lelaki dan Enam Belas (16) peserta perempuan dengan jumlah jatuhan pin tertinggi dalam acara All Event adalah layak menyertai acara ini.
- 2.3.5.2 Semua peserta akan bermain sejumlah sepuluh (10) games.
- 2.3.5.3 Peserta lelaki dan wanita dengan mata tertinggi layak ke pusingan Step-Ladder Akhir. Manakala peserta-peserta di ranking ke-2 dan ke-3 layak ke pusingan Step-Ladder Separuh Akhir.

2.3.5.4 Jika terdapat peserta yang mempunyai jumlah jatuhan pin yang sama, pasukan yang mencatatkan jumlah jatuhan pin yang tertinggi di permainan yang terakhir akan dikira sebagai pemenang dan begitulah seterusnya.

2.3.6 Pusingan Step-Ladder Separuh Akhir dan Akhir

2.3.6.1 Step-Ladder Separuh Akhir :

2.3.6.1.1 Permainan diperingkat separuh akhir diantara peserta diranking ke-2 dan ranking ke-3 akan dijalankan secara "1 game Match Play". Pemenang dari pusingan separuh akhir layak ke peringkat akhir.

2.3.6.2 Step-Ladder Akhir :

2.3.6.2.1 Permainan diantara peserta diranking pertama dan pemenang dari peringkat separuh akhir akan dijalankan secara "1+1 game Match Play". Sekiranya peserta diranking pertama memenangi game pertama, beliau adalah pemenang pusingan akhir. Sekiranya pemenang dari pusingan separuh akhir memenangi game pertama, "sudden death play-off" sebanyak 1 game akan dijalankan. Peserta yang memenangi game ini akan dikira sebagai pemenang.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Semua pasukan dan peserta mesti memakai pakaian pasukannya dan mempunyai warna yang seragam.

3.2.2 Peserta – peserta dikehendaki memakai seluar panjang slack (jeans tidak dibenarkan) dan baju T yang kemas untuk setiap pasukan masing – masing.

3.3 Peralatan Pertandingan

- 3.3.1 Semua peserta diwajibkan mendaftarkan bola masing-masing bagi memastikan berat dan spesifikasi lain mematuhi peraturan. Peserta yang bermain dengan bola tanpa didaftarkan mengakibatkan keputusan permainannya tidak diiktiraf.
- 3.3.2 Sekiranya ada peserta yang membuat perubahan pada bolanya atau membuat Plugging semula pada bola yang telah diluluskan sebelum ini, bola tersebut mesti didaftarkan semula sebelum ia boleh digunakan.
- 3.3.3 Menjadi tanggungjawab pengurus pasukan dan pemain menggunakan peralatan permainan mengikut Peraturan Pertandingan yang ditetapkan oleh Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC).

4. HADIAH

- 4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.
- 4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Berpasukan Lelaki	1	4	1	4	1	4
Berpasukan Wanita	1	4	1	4	1	4
All Event Lelaki	1	1	1	1	1	1
All Event Wanita	1	1	1	1	1	1
Master Lelaki	1	1	1	1	1	1
Master Wanita	1	1	1	1	1	1
JUMLAH	10	18	10	18	10	18